

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
KAWASAN : SHAH ALAM

SOALAN:

Y.B TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status pelaksanaan Lebuhraya 'West Coast Expressway' (WCE).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Barat (WCE) akan dibina dengan jajaran baru sepanjang 233km dengan kaedah penswastaaan. Manakala jajaran Tanjung Karang - Sabak Bernam (50km) dan jajaran Telok Intan - Kg. Lekir (30km) akan dinaikkan taraf oleh Kerajaan dengan menggunakan jajaran Jalan Persekutuan 5 (FT05) yang sedia ada.

Pada masa kini proses pengambilan balik tanah dan kerja-kerja awalan sedang giat dijalankan untuk keseluruhan jajaran terlibat. Dalam masa yang sama syarikat konsesi juga telah memulakan kerja-kerja pembinaan di kawasan yang telah selesai dibuat pengambilan tanah, iaitu melibatkan jajaran antara Hutan Melintang ke Telok Intan di Perak dan Klang ke Kapar di Selangor. Keseluruhan projek WCE ini dijangka siap pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

KAWASAN : SHAH ALAM

SOALAN:

Y.B TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status Lebu Raya Bertingkat daripada Klang ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat setakat ini tidak ada perancangan untuk membina lebuh raya baharu menghubungkan Kuala Lumpur – Klang. Pada masa kini terdapat 3 laluan utama menghubungkan kedua-dua bandar tersebut, ialah Lebuh Raya Persekutuan 2 (FHR2), Lebuh Raya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuh Raya Shah Alam (KESAS).

Bagi mengurangkan kesan kesesakan trafik melibatkan laluan Kuala Lumpur – Klang pada masa hadapan, Kerajaan telah bersetuju untuk membina Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang bermula dari Bandar Utama, Damansara dan berakhir di Johan Setia, Klang. Projek LRT3 dengan kos sebanyak RM9 bilion itu akan memulakan pembinaan pada suku pertama tahun 2017 dan dirancang siap pada pertengahan tahun 2020.

Sekian, terima kasih.